



TATABAHASA : KATA ADJEKTIF

Pilih kata adjektif yang sesuai dengan konteks ayat dengan menekan jawapan yang anda rasa betul.

Petua Memilih Durian

Zara dan keluarganya ke pasar tani.

Zara dan keluarganya ingin membeli durian. Mereka teringin makan durian. Zara berjalan **laju / deras** menuju ke gerai jualan durian. Dia amat mahir akan selok-belok tempat itu kerana **selalu / cepat** datang ke situ.

Puan Zurah tersenyum melihat gelagat anaknya itu. Mereka sangat **risau / seronok** apabila membeli durian.

“Zara, cuba goncangkan durian itu. Jika ada getaran, maknanya isinya telah masak,” jelas Encik Hasif.

Zara mencium-cium pangkal tangkai durian. Dia berasa **ragu / malu**. Kemudian, dia memberikan buah itu kepada Encik Hasif.

“Buah ini harum baunya, Zara. Isinya pasti telah masak,” kata Encik Hasif dengan **yakin / pilu** nya.

“Abang, lima pangsa pada buah ini sangat **lambat / jelas** kelihatan. Saya ambil, ya,” ujar Puan Zurah.

Encik Hasif mengangguk tanda setuju dengan isterinya. Beliau memberikan semua durian yang telah dipilih kepada peniaga tersebut. Peniaga itu mengopek kulit durian dengan **cermat / gopoh** nya menggunakan parang. Zara **puas / sedih** hati melihat isi durian itu. Mereka sekeluarga amat **gembira / muram** kerana dapat menikmati raja buah itu.